

16/11/2003

Kerajaan beli pesawat urus jemaah haji, umrah

Noorwati Salleh

ROMPIN: Kerajaan menerusi anak syarikatnya, Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) akan membeli pesawat sendiri untuk disewakan kepada Lembaga Tabung Haji bagi memastikan kos penerbangan jemaah ke Tanah Suci akan lebih murah daripada sekarang.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, berkata pesawat itu akan disewakan kepada Penerbangan Malaysia (MAS) dan Tabung Haji menguruskan operasi penerbangan ke Tanah Suci.

"Pada masa ini, Tabung Haji terpaksa menyewa terus kapal terbang daripada pemilik penerbangan luar negara, termasuk Amerika Syarikat menyebabkan kos menunaikan haji tinggi.

"Ini berikutan satu pertiga daripada kos menunaikan ibadat haji membabitkan tambang pengangkutan. Pada masa sama, kapal terbang milik kerajaan, melalui PMB itu boleh diguna untuk membawa kumpulan umat Islam menunaikan umrah.

"Dengan cara ini, kita bukan saja dapat mengurangkan kos mengerjakan haji, malah mengurangkan tambang menunaikan umrah yang kini dianggap masih tinggi iaitu lebih RM3,000 seorang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan zakat dan sumbangan Ramadan kepada kira-kira 650 warga emas, kanak-kanak istimewa, orang miskin di Dewan Orang Ramai Sultan Ahmad Shah, di sini petang kelmarin.

Jamaluddin kemudian merasmikan pejabat Yayasan Wawasan Rompin serta membuka puasa bersama penduduk di Kampung Mentara, Endau.

Ketika pembentangan Bajet 2004 oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kerajaan memutuskan pemotongan lima peratus kos menunaikan haji bagi mengurangkan beban umat Islam menunaikan ibadat itu.

Jamaluddin yang juga Ahli Parlimen Rompin, bagaimana pun tidak memberitahu jumlah pesawat yang bakal dibeli.

Beliau berkata, apabila kos menunaikan haji dikurangkan, sudah tentu lebih ramai umat Islam dapat menunaikan ibadat itu pada usia muda.

"Sekarang ini, warga luar bandar terutama pasangan suami isteri mengumpul RM20,000, iaitu kira-kira RM10,000 seorang... bukannya senang, sehingga terpaksa menunggu usia agak lanjut bagi mendapat peluang menunaikan ibadat itu.

"Sebab itu, kita kena cari jalan supaya kos ke tanah suci sama ada menunaikan haji atau umrah mampu dibiayai oleh umat Islam, terutama golongan berpendapatan rendah.

"Pada masa sama, saya yakin Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Hamid Zainal Abidin dan Tabung Haji turut mencari jalan dan kaedah bagi mengurangkan kos haji," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara Islam, menjadi kewajipan kerajaan memikirkan kaedah terbaik bagi memastikan lebih ramai umat Islam berkemampuan menunaikan haji pada usia agak muda.